

| | | | |
|-------------------|--|--------------------|---------------------|
| Headline | Pokok getah RM3.8j tarikan Seremban | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Color | Full Color |
| Date | 22 May 2019 | Circulation | 82,252 |
| Section | Nasional | Readership | 246,756 |
| Page No | 23 | ArticleSize | 546 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 18,149 |
| Journalist | Tuty Haryanti Ahmad Rodzi | PR Value | RM 54,447 |
| Frequency | Daily | | |



Pokok getah RM3.8j tarikan Seremban

➔ Tumbuhan berusia lebih 100 tahun masih keluar susu ada nilai sejarah

Oleh **Tuty Haryanti**
Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

► Seremban

Puluhan tahun lalu, sebatang pokok di Jalan Keliling, berhampiran Taman Tasik Seremban di sini, dianggap sama seperti pokok lain yang tumbuh berhampirannya.

Namun, sejak tahun lalu, pokok 25 meter dengan ukur lilit 3.5 meter itu, dilakukan pagar berwarna putih di sekelilingnya dengan tulisan besar bertulis 'Pokok Getah Pertama Negeri Sembilan'.

Ramai tertanya-tanya kebenaran pokok di kawasan berhampiran kediaman rasmi Menteri Besar Negeri Sembilan itu. Hasil kajian Majlis Perbandaran Seremban (MPS) mendapati pokok getah itu atau nama saintifiknya *Hevea brasiliensis* ditanam sejak 1877.

Ini menjadikan pokok itu yang masih mengeluarkan susu dan biji, sama dengan pokok getah tua di Kuala Kangsar, Perak.

Menariknya, berdasarkan formula Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) hasil penilaian pelbagai aspek, termasuk usia dan harga semasa, pokok itu bernilai kira-kira

RM3.8 juta. Oleh kerana tinggi nilai estetikanya, MPS memang kawasan itu bagi mengelak pokok terbabit dirosakan.

Ketua Unit Pelancongan, Jabatan Komuniti dan Perhubungan Awam MPS, Shamaruddin Saidin, berkata pokok itu mula disedari selepas seorang kakitangan MPS yang membersihkan kawasan itu, ternampak suatu getahnya.

Katanya, MPS kemudian menjalankan kajian terperinci dan ternyata ia yang sudah berusia lebih 100 tahun, mempunyai sejarah.

"MPS sedia maklum di sepanjang jalan ini terdapat banyak pokok besar; tetapi tidak sangka pokok getah ini ada sejarah tersendiri dan nilai yang tinggi," katanya sambil menambah, pokok itu dipercayai satu daripada 22 anak benih yang dibawa dari Kew Gardens, England pada 1877.

Ladang getah pertama
Daripada jumlah itu, katanya, 11 anak benih disemai di Botanic Gardens, Singapura, manakala sembilan di Kuala Kangsar serta masing-masing satu di daerah ini dan Melaka.

"Anak benih pokok getah itu disemai di hadapan bekas tapak kediaman rasmi Residen British di negeri ini iaitu bertetangga dengan padang golf. Tujuan benih itu disemai di situ untuk melihat sendiri sama ada pokok itu sesuai ditanam atau tidak," katanya.

Shamaruddin berkata, melihatkan anak pokok getah itu sesuai dan berjaya ditanam, British membuka ladang getah pertama di negeri ini, iaitu di Linsum, Rantau, dekat sini dengan keluasan 647 hektar yang

dibuka oleh Bapa Perusahaan Getah Asli di Malaya, Thomas H Hill pada 1883.

"Negeri Sembilan satu daripada tiga Negeri Melayu Bersekutu, selain Perak dan Selangor yang tanaman getahnya berkembang pantas. Menjelang 1920, Malaya berjaya mengeluarkan lebih separuh hasil getah dunia. Malah, ketika itu getah masih menjadi tanaman penting di rantaui ini," katanya.

Sambil menegaskan peringgalan sejarah itu perlu terus dipelihara dan dipulihara supaya generasi akan datang menyedari kewujudannya, beliau yakin masih ramai penduduk negeri ini tidak kewujudan pokok itu, apakah lagi orang luar.

"Selama ini ramai yang tahu pokok getah tertua di negara ini hanya terletak di Kuala Kangsar," katanya sambil menambah, MPS turut memasang papan tanda sejarah pokok itu untuk tapatan umum dan kini, ia menjadi daya tarikan pelancong serta mereka yang berekreasi di Taman Tasik Seremban.

Bagi memastikan pokok itu dalam keadaan baik, setiap bulan Jabatan Taman dan Lanskap MPS menyembur racun di kawasan sekeliling dan menjaga kebersihan, selain menjalin kerjasama dengan Persatuan Pemandu Pelancong untuk menarik lebih ramai kunjungan pelawat.

"Kita juga berusaha memastikan penduduk negeri ini tahu kewujudan pokok ini dan menghargai warisan yang ada. Seremban juga kaya dengan warisan tersendiri dan boleh dikatakan setaraf dengan bandar warisan lain yang boleh dibanggakan," katanya.



Shamaruddin (kanan) dan Unit Pelancongan MPS, Mohd Ariffin Sharif meninjau pokok getah RM3.8 juta yang jadi produk pelancongan warisan di daerah Seremban.



Pokok getah tertua di Negeri Sembilan masih mengeluarkan susu getah.

■ ■ ■

Pokok itu dipercayai satu daripada 22 anak benih yang dibawa dari Kew Gardens, England pada 1877"

Shamaruddin Saidin,
Ketua Unit Pelancongan,
Jabatan Komuniti dan
Perhubungan Awam MPS